



## PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Kelayakan anggota/waris anggota untuk menerima bantuan kematian ini:

- (a) Setiap anggota perseorangan yang telah menjelaskan modal syer minimum yang layak menerima bantuan khairat kematian yang disediakan oleh Koperasi Hartanah Anggun Berhad (KOHAB).
- (b) Bayaran akan dijelaskan kepada waris terdekat seperti berikut:
  - (i) Jika bujang - kepada ibu atau bapa ;
  - (ii) Jika berkahwin - kepada isteri atau suami ;
  - (iii) Jika duda - kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas atau jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengebumian jenazah anggota yang berkaitan;
  - (iv) Jika balu - kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengebumian jenazah anggota berkaitan.
  - (v) Jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut di atas, maka bantuan khairat kematian tersebut akan diberikan kepada sesiapa yang difikirkan layak menerimanya yang telah menguruskan pengebumian jenazah anggota berkaitan.
- (c) Untuk membuat tuntutan pembayaran khairat kematian, keluarga anggota hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut :
  - (i) Dua (2) salinan:
    - Kad Pengenalan si mati;
    - Sijil kematian;
    - Permit penguburan (yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau Pegawai Perubatan atau Pengurus Rancangan atau Majikan yang mana berkenaan);
    - Laporan polis jika sabit kematian akibat kemalangan atau seumpamanya.
  - (ii) Dua (2) salinan kad pengenalan waris yang dikenal pasti layak menerima/pemohon;
  - (iii) Salinan Penyata Bank @ Nombor Akaun pewaris.
- (d) Tuntutan pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh **3 (tiga) bulan** dari tarikh kematian dan pembayaran akaun dilakukan dalam tempoh masa **1 (satu) bulan** dari tarikh permohonan diluluskan.